

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 NOVEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Iktiraf produk berkualiti	Harian Metro
2.	Peranan ibu bapa bantu Gen Y minat sains	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
 TARIKH : 19 NOVEMBER 2013 (SELASA)



Iktiraf produk berkualiti

■ Lapan organisasi capai tahap cemerlang SIRIM

Oleh Raja Puteri Nabihah Raja Ayub
 am@mediaprima.com.my
 Shah Alam

Bagi menggalakkan organisasi dari dalam dan luar negara untuk terus menghasilkan produk yang menepati keperluan pelanggan, SIRIM Berhad memberi pengiktirafan kepada lapan organisasi yang mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk cemerlang menerusi Anugerah Kualiti SIRIM.

Bertemakan "Modal Insan Menjana Kemakmuran Ne-

gara', Majlis SIRIM-Industri yang dianjurkan sejak 1991 itu bertujuan meraikan agensi kerajaan, industri dan juga syarikat yang berjaya memperoleh pengiktirafan daripada SIRIM QAS International menerusi pelbagai skim pensijilan dan penentuan kualiti. Majlis diadakan di sebuah hotel di Sunway, di sini, Jumaat lalu.

Pengerusi SIRIM Berhad, Datuk Jamaliah Kamis berkata, penganugerahan berkenaan bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelanggan SIRIM yang menepati pengeluaran barangan

dan perkhidmatan selain menepati tahap standard antarabangsa.

"Penganugerahan ini pendekatan positif SIRIM menggalakkan pelanggan terus memberikan komitmen kepada penghasilan produk yang menepati keperluan pelanggan.

"Pengiktirafan itu diharapkan mencetuskan gelombang baru yang mementingkan budaya kualiti dalam kalangan organisasi dan industri bagi meningkatkan prestasi kualiti produk dan perkhidmatan organisasi," katanya.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden serta Ketua Eksekutif SIRIM Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

Jamaliah berkata, anugerah itu terbahagi kepada dua iaitu Anugerah Kualiti Produk dan Anugerah Kualiti organisasi dan kedua-dua anugerah terbahagi mempunyai empat kategori berdasarkan nilai jualan tahunan organisasi.

Beliau berkata, Anugerah Kualiti SIRIM menerima 23 penyertaan bagi Anugerah Kualiti Produk manakala Anugerah Kualiti Organisasi pula menerima 66 penyertaan

daripada pelbagai organisasi berkecayaan.

"Bagi Anugerah Kualiti Produk, organisasi yang mendapat pengiktirafan daripada SIRIM adalah Leader Cable Industry Berhad, Mega Fortris (Malaysia) Sdn Bhd, Tomber Industrial Sdn Bhd dan RGE Lighting Industries Sdn Bhd.

"Penerima Anugerah Kualiti Organisasi pula menjadi milik Sunway Construction Sdn Bhd, Ranhill Bersekutu Sdn Bhd, Teckwah Paper Products Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)," katanya.

Jamaliah berkata, pemenang masing-masing menerima trofi dan sijil serta rebat bagi perkhidmatan Kumpulan SIRIM selama setahun.

FAKTA

Anugerah itu terbahagi kepada dua iaitu Anugerah Kualiti Produk dan Anugerah Kualiti organisasi

Peranan ibu bapa bantu Gen Y minat sains

Kurangnya minat generasi muda (Gen Y) dalam bidang sains diimbangi akan menyebabkan Malaysia gagal bersaing di pasaran global dan terus menerus menjadi negara pengguna dan pembeli produk asing.

Ketika ini, kurang daripada 30 peratus pelajar mengikuti bidang sains dan teknologi dan keadaan ini jika berterusan akan menyukarkan Malaysia mencapai matlamat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Lebih merumitkan lagi, ibu bapa turut tidak memberi galakan sewajarnya untuk anak mereka menceburi bidang sains kerana lebih cenderung kepada bidang lain yang dikatakan mampu memberikan kekayaan.

Memastikan wawasan 2020 dapat dicapai

Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata usaha lebih berkesan perlu dijalankan bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai sepenuhnya.

Menerusi wawasan itu, negara menyasarkan 60 peratus pelajar mengikuti bidang sains dan 40 peratus lagi sastera. Keadaan ini penting untuk negara terus maju dalam jangka masa panjang, iaitu 40 hingga 50 tahun akan datang.

Beliau berkata, tokoh sains negara yang ada hari ini adalah hasil usaha dilakukan sejak 30 tahun lalu, terutama graduan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang mengikuti bidang sains dan teknologi.

"Justeru, semua pihak perlu bergabung tenaga bagi memenuhi hasrat melahirkan 500,000 graduan dalam bidang sains bagi memenuhi keperluan negara," katanya.

Status negara maju hanya mampu dicapai dengan keupayaan negara dalam bidang sains dan teknologi dan kemampuan dalam menghasilkan produk baru yang mampu dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Dr Ahmad Tajuddin berkata, ASM ketika ini berusaha menarik minat Gen Y mengikuti bidang sains, tetapi

kerjasama semua pihak diperlukan terutama, ibu bapa, guru, media dan masyarakat keseluruhannya.

Proses pembelajaran sains akan hanya berjaya dengan adanya guru yang mampu mengajar mata pelajaran berkenaan dengan baik. Untuk itu, Kementerian Pelajaran perlu melahirkan lebih ramai guru berwibawa yang mampu mendidik anak bangsa.

"Pada masa sama, peranan ibu bapa amat penting kerana hakikatnya merekalah yang mempengaruhi dan mencorakkan masa depan anak mereka. Jika ketika ini ibu bapa lebih berminat di bidang perundangan, perubatan, perakaunan dan sastera, fokus mereka perlu dialih kerana bidang sains kerana ia juga mampu menjana pendapatan tinggi khususnya dalam melahirkan kelas menengah atasan," katanya.

Dr Ahmad Tajuddin berkata, lebih ramai rakyat yang berjaya di bidang sains, lebih mampu Malaysia melahirkan 'Brain Power', iaitu golongan bijak pandai sains dan teknologi.

Katanya, golongan berjaya dalam bidang sains juga perlu menjadi ikon Gen Y, untuk menonjolkan kerjaya sebagai ahli sains, sekali gus menarik minat mereka.

"Contohnya, China, Indonesia dan Thailand yang mempunyai jauh lebih ramai penduduk berbanding negara ini sudah menunjukkan kejayaan hebat menghasilkan pelbagai produk hasil inovasi sains

“**Golongan berjaya dalam bidang sains juga perlu menjadi ikon Gen Y, untuk menonjolkan kerjaya sebagai ahli sains, sekali gus menarik minat mereka**”

Dr Ahmad Tajuddin Ali
Presiden Akademi Sains Malaysia

dan teknologi.

Jika berlaku perang, bencana alam dan kekurangan makanan, negara berkenaan mampu menghasilkan makanan sendiri tanpa perlu bergantung makanan import seperti Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia pada hakikatnya tidak mampu memenuhi permintaan makanan domestik, apa lagi untuk mengeksportnya. Ini cabaran paling besar dihadapi negara ketika ini.

Katanya, Malaysia perlu menghasilkan produk pertanian sendiri, bukan lagi bahan asas seperti minyak kelapa sawit dan getah.

"Kemampuan Malaysia menjadikan dua produk itu sebagai eksport utama perlu dijanakan lagi menerusi inovasi produk hasil pertanian untuk dipasarkan ke peringkat global," katanya.

Justeru, katanya, amat perlu untuk Malaysia mencontohi China dan Jerman, dua negara paling inovatif dalam menghasilkan produk baru dunia.

Katanya, untuk itu, media perlu memberi kerjasama dalam meningkatkan kesedaran rakyat akan pentingnya bidang ini dengan memaparkan berita lebih negatif seperti projek Lynas di Kuantan, dan kompleks petrokimia Petronas di Mersing.

"Adalah tidak wajar memesongkan bahan berita sebenar sehingga menjadi kontroversi dan salah faham sehingga masyarakat tidak mengetahui apakah kebenarannya.

Justeru, komunikasi yang betul perlu ada, di sinilah kerana ada banyak ruang boleh digunakan kerana kadar celik IT di negara ini amat tinggi malangnya mereka lebih kepada berita negatif," katanya.

Kegunaan media sosial fokus bahan hiburan, santai

Mengikut kajian ke atas kegunaan media sosial 2012 negara ini, seramai 17.5 juta rakyat negara ini menggunakan internet khususnya melayari Facebook dan Youtube serta lebih fokus kepada bahan hiburan santai dan hiburan sedangkan isu serius begitu kurang diketengahkan.

Bagi Dr Ahmad Tajuddin, perancangan ASM adalah untuk menampung keperluan negara untuk tempoh jangka masa panjang selaras dengan fungsi lebih seratus felonya sebagai kumpulan pemikir dalam membantu meningkatkan pencapaian negara.

Selain itu ASM juga memberi tumpuan khusus kepada masalah kemiskinan, demografi penduduk, perubahan cuaca dan krisis kekurangan tenaga serta pembangunan ekonomi yang mantap selaras dengan resolusi persidangan RIO+24.

Inilah cabaran besar yang perlu dihadapi. Jika Malaysia gagal bersaing, kita akan terus ketinggalan dan sukar menghadapi perubahan zaman. Untuk itu amat perlu segenap lapisan rakyat bersiap sedia menghadapinya.



Gen Y perlu dipupuk minat kepada bidang sains dan teknologi.